

EXPLORASI APLIKASI MUDAH ALIH 'BOOKKEEPER' DALAM MENGURUS TADBIR KEWANGAN MASJID

Dr Mohamad Hilmi Mat Said
Pensyarah Kanan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Pahang (UMP)
hilmi@ump.edu.my

Abi Sofian Bin Abdul Aziz
Pelajar Sarjana, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Pahang (UMP)
positif1001@gmail.com

ABSTRAK

Penggunaan aplikasi mudah alih (mobile apps) telah menjadi satu fenomena lantaran memudahkan pelbagai urusan dalam kehidupan masyarakat. Perkembangan aplikasi mudah alih ini turut merentas pelbagai bidang termasuk dalam urusan perakaunan. Kajian ini bertujuan untuk meneroka kesesuaian salah satu daripada aplikasi mudah alih perakaunan iaitu "Bookkeeper" dalam pengurusan kewangan masjid. Bagi mencapai objektif yang digariskan, pengkaji menguji perisian tersebut dengan membuat "entri" data replika transaksi perakaunan berkaitan kewangan masjid dan seterusnya menganalisa kesesuaian aplikasi tersebut untuk diimplementasi dalam pengurusan kewangan masjid. Hasil kajian mendapati perisian tersebut boleh diaplikasikan bagi mengurus tadbir pengurusan kewangan masjid selain mendapati keperluan kepada pembangunan perisian aplikasi mudah alih khas dalam mengurus tadbir kewangan masjid.

Kata kunci : *Urus Tadbir Kewangan Masjid, Perakaunan Masjid, Aplikasi Mudah Alih, "Bookkeeper"*

1. Pengenalan

Urus tadbir masjid yang berkualiti adalah satu agenda penting yang perlu diutamakan agar masjid sentiasa dinamik, amanah, telus dan efisien. Penambahbaikan terhadap urus tadbir pengurusan masjid perlu diberi perhatian yang serius lantaran terdapat berapa indikator yang menunjukkan kelemahan urus tadbir masjid. Menurut Nor (2017), hanya 27 peratus masjid dan surau di Malaysia menepati Standard Penarafan Masjid Malaysia. Selain itu, kajian-kajian berkaitan pengurusan kewangan masjid sebelum ini turut menunjukkan terdapat beberapa permasalahan dalam pengurusan kewangan masjid. (Mohamed, Masrek, Mohd Daud, Arshad, & Omar, 2015; Mohamed Azam, Mohd-Sanusi, Jaafar, Mahyuddin Khalid, & Abd Aziz, 2013; Hydzulkifli Hashim Omar, Mohd Yazid Isa, Noraini Yusuff, 2016; Razak, Hussin, Muhammad, & Mahjom, 2014; Shahida Binti Shaharuddin, 2012).

Antara punca permasalahan yang timbul dalam pengurusan kewangan masjid termasuklah kelemahan dalam perekodan transaksi kewangan yang berpunca dari pegawai yang tidak kompeten (Razak et al., 2014). Pegawai masjid boleh merekod transaksi kewangan masjid secara manual di dalam jurnal, buku dan catatan fizikal lain, namun atas perkembangan teknologi, perekodan data perakaunan telah beralih kepada penggunaan komputer bersama perisian komputer tertentu seperti *Microsoft Excel*. Bahkan di pasaran juga terdapat perisian

yang telah dibina secara terperinci dalam merekod dan membuat laporan kewangan yang boleh digunakan bagi memudahkan perekodan catatan kewangan seperti UBS, MYOB dan Biztrack. Penggunaan perisian komputer dalam merekod data kewangan terbukti lebih baik lantaran transaksi dapat direkod lebih cepat selain kebarangkalian kesilapan perekodan yang minimum (Kabir, Rahman, Yunus, & Chowdhury, 2015).

Namun era penggunaan komputer yang dahulunya menjadi medium utama, kini telah diambil alih oleh peranti telefon pintar. Kamera, pembaca kod bar dan sistem kedudukan global (GPS) antara fasiliti di dalam telefon pintar yang memberi satu kelebihan kepada peranti telefon pintar (Shahrul Niza Samsudin, Ronizam Ismail, Norzaimah Zainol & Fakulti, 2016; Hassan, Rahman, Yew, Pendidikan, & Pendidikan, 2015). Dewasa ini, penggunaan aplikasi mudah alih merentas pelbagai bidang termasuklah keselamatan (Jie, 2011), kesihatan (Zapata, Fernández-Alemán, Idri, & Toval, 2015), pelancongan (Dickinson et al., 2014), pentadbiran kerajaan (Harsh & Ichalkaranje, 2015; Sandoval-Almazan, Gil-garcia, Luna-Reyes, & Luna, 2012), sukan (Farhi et al., 2013), pendidikan (Nawi, Hamzah, Akmal, & Sattai, 2014) dan termasuklah perniagaan (Md. Rashedul Islam, Md. Rofiqul Islam, 2010).

Dari sudut pengurusan kewangan, terdapat pelbagai aplikasi mudah alih berkaitan perakaunan yang terdapat di platform *google play*. Carian pengkaji melalui laman sesawang *google play* dengan frasa carian *accounting > software* mendapati terdapat 109 aplikasi mudah alih berkaitan perisian perakaunan yang ditawarkan ("Accounting Software," n.d.). Justeru, terdapat ruang untuk kajian berkaitan penggunaan aplikasi mudah alih dalam perekodan data kewangan masjid lantaran penggunaan aplikasi mudah alih dilihat berpotensi memudahkan urusan perekodan disamping meminimumkan kesilapan-kesilapan dalam merekod data perakaunan masjid. Pengkaji telah memilih satu aplikasi mudah alih perakaunan iaitu *Bookkeeper* untuk diteroka dan dianalisa bagi mengenalpasti kesesuaian aplikasi tersebut dalam mengurus tadbir kewangan masjid.

2. Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk menganalisa kesesuaian perisian aplikasi mudah alih perakaunan *Bookkeeper* dalam pengurusan kewangan masjid. Aplikasi mudah alih *Bookkeeper* dipilih kerana aplikasi ini merupakan aplikasi yang berada pada kategori pemuat turun yang tinggi iaitu dalam julat 500,000 hingga 1,000,000 selain mendapat skor penilaian yang tinggi oleh pengguna-pengguna aplikasi tersebut berbanding aplikasi mudah alih perakaunan lain (Bushnel, 2017).

3. Metodologi Kajian

Pengkaji meneroka perisian tersebut dengan memasukkan input data kewangan masjid. Data kewangan yang menjadi input adalah berbentuk replika transaksi perakaunan bagi transaksi kewangan masjid. Antara jenis data kewangan yang menjadi input kajian adalah penerimaan sumbangan, perbelanjaan pelbagai, pembelian aset dan pelaporan kewangan. (Jabatan Agama Islam Pahang, 2005; Majlis Agama Islam Selangor, 2016; Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2015). Seterusnya pengkaji akan menganalisa kesesuaian perisian untuk diimplementasi dalam pengurusan kewangan masjid dengan melihat kelebihan dan kekurangan aplikasi tersebut untuk digunapakai dalam pengurusan kewangan masjid.

4. Keputusan Kajian dan Perbincangan


4.1 Antaramuka Bagi Bookkeeper

Rajah 1 menunjukkan rekabentuk untuk paparan utama yang mempunyai 9 butang iaitu *Cash-in-hand*, *Bank A/Cs*, *Customers*, *Suppliers*, *Overdue*, *Unpaid*, *Transactions*, *Reports* dan *Items*. Paparan utama ini memaparkan ruang untuk diisi oleh pengguna bagi pengguna membuat entri data kewangan. Bagi memulakan kajian, pengkaji membuat entri berkaitan baki-baki awal (baki bawa bawah) beberapa akaun.

Berikut adalah data replika baki-baki akaun ;

Jadual 1 : Senarai baki-baki akaun

Tarikh : 1 Jan 2017	
Nama Akaun	RM
Sumbangan Individu	5,000
Sumbangan Organisasi/Korporat	5,000
Kutipan Jumaat	10,000
Bank	20,000



The screenshot shows the main interface of the 'Masjid Itqan' application. At the top, there is a green header with a menu icon, the text 'Masjid Itqan', and a question mark icon. Below the header, the interface is divided into sections. The 'Accounts' section is titled 'Accounts' and 'As On 01 Jan '17'. It lists four accounts: 'Cash-in-hand' with a balance of \$ 0.00, 'Bank A/Cs' with a balance of \$ 20,000.00, 'Customers' with a balance of \$ 0.00, and 'Suppliers' with a balance of \$ 0.00. Below the accounts section is the 'Invoices' section, which lists two items: '0 Overdue' with a balance of \$ 0.00 and '0 Unpaid' with a balance of \$ 0.00. At the bottom of the screen, there are three navigation buttons: 'Transactions', 'Reports', and 'Items', each with a corresponding icon.

Rajah 1: Rekabentuk antaramuka bagi paparan utama


4.2 Merekod Transaksi Penerimaan Dalam Bookkeeper

Rajah 2 menunjukkan data entri bagi transaksi penerimaan dari kutipan Jumaat.

Berikut adalah data replika bagi transaksi tersebut;

Tarikh	Transaksi	RM
6 Jan 2017	Penerimaan dari kutipan Jumaat	3,000

Jadual 2 : transaksi penerimaan dari kutipan Jumaat



Rajah 2: data entri bagi transaksi penerimaan dari kutipan Jumaat

Pengkaji mendapati hasil entri data tersebut telah berjaya dipaparkan dalam senarai transaksi (seperti dalam Rajah 3). Pengkaji juga mendapati baki akaun bank bertambah dari RM20,000 ke RM23,000 (seperti dalam Rajah 4), laporan kewangan dijanakan melalui *Reports > Profit & Loss Account* (seperti dalam Rajah 5) serta *Balance Sheet* (seperti dalam Rajah 6).



Rajah 3: paparan menunjukkan transaksi penerimaan dari kutipan Jumaat



Rajah 4: paparan menunjukkan baki akaun bank terkini

MASJID ITQAN		
Trading/Profit & Loss A/C		
01-01-2017 To 06-01-2017		
PARTICULARS	DEBIT	CREDIT
Purchases A/C	0.00	
Purchases Return		0.00
Sales A/C		0.00
Sales Return	0.00	
Direct Expenses	0.00	
Direct Income		3,000.00
Opening Inventory	0.00	
Closing Inventory		0.00
Gross Profit c/o	3,000.00	
TOTAL	\$ 3,000.00	\$ 3,000.00
Gross Profit b/f		3,000.00
Indirect Expenses	0.00	
Indirect Income		0.00
Net Profit	3,000.00	
TOTAL	\$ 3,000.00	\$ 3,000.00

Rajah 5: paparan menunjukkan laporan *Profit & Loss Account*

MASJID ITQAN		
Balance Sheet As On 06-01-2017		
LIABILITIES		AMOUNT
Sundry Creditors		0.00
Capital A/C		0.00
Current Liabilities		0.00
Profit & Loss A/c		23,000.00
Opening Balance	20,000.00	
Selected Period	3,000.00	
LIABILITIES (TOTAL)		\$ 23,000.00
ASSETS		AMOUNT
Cash-in-hand		0.00
Bank A/Cs		23,000.00
Sundry Debtors		0.00
Current Assets		0.00
Fixed Assets		0.00
Closing Inventory		0.00
ASSETS (TOTAL)		\$ 23,000.00

Rajah 6: paparan menunjukkan laporan *Balance Sheet*


4.3 Merekod transaksi pembelian dan perbelanjaan dalam Bookkeeper

Rajah 7 dan 8 menunjukkan data entri bagi transaksi pembelian peralatan siar raya dan perbelanjaan utiliti.

Berikut adalah data replika bagi transaksi tersebut;

Jadual 2 : transaksi pembelian peralatan siar raya dan perbelanjaan utiliti

Tarikh	Transaksi	RM
10 Januari 2017	pembelian Peralatan Siar Raya	4,000
11 Januari 2017	perbelanjaan Utiliti	500



Rajah 7: data entri bagi transaksi pembelian peralatan siar raya



Rajah 8: data entri bagi transaksi perbelanjaan utiliti

Pengkaji mendapati hasil entri data tersebut telah berjaya dipaparkan dalam senarai transaksi (seperti dalam Rajah 9). Pengkaji juga mendapati baki akaun bank berkurang dari RM23,000 ke RM19,000 dan seterusnya RM18,500 (seperti dalam Rajah 10), laporan kewangan dijanakan melalui *Reports > Profit & Loss Account* (seperti dalam Rajah 11) serta *Balance Sheet* (seperti dalam Rajah 12).

Date	Accounts	Description	Amount	Narration
10-01-2017	Utiliti Bank	Payment PAY1	500.00	
10-01-2017	Peralatan Siar Raya Bank	Journal JRN1	4,000.00	
06-01-2017	Bank Kutipan Jumaat	Receipt KJM01	3,000.00	

Rajah 9: paparan menunjukkan transaksi pembelian peralatan siar raya dan perbelanjaan utiliti

Accounts		As On 13 Jan '17
Cash-in-hand		\$ 0.00
Bank A/Cs		\$ 18,500.00
Customers		\$ 0.00
Suppliers		\$ 0.00
Invoices		
Overdue		\$ 0.00
Unpaid		\$ 0.00

Rajah 10: paparan menunjukkan baki akaun bank terkini

MASJID ITQAN Trading/Profit & Loss A/C 01-01-2017 To 31-12-2017		
PARTICULARS	DEBIT	CREDIT
Purchases A/C	0.00	
Purchases Return		0.00
Sales A/C		0.00
Sales Return	0.00	
Direct Expenses	500.00	
Direct Income		3,000.00
Opening Inventory	0.00	
Closing Inventory		0.00
Gross Profit c/o	2,500.00	
TOTAL	\$ 3,000.00	\$ 3,000.00
Gross Profit b/f		2,500.00
Indirect Expenses	0.00	
Indirect Income		0.00
Net Profit	2,500.00	
TOTAL	\$ 2,500.00	\$ 2,500.00

Rajah 11: paparan menunjukkan laporan *Profit & Loss Account*

MASJID ITQAN Balance Sheet As On 31-12-2017		
LIABILITIES	AMOUNT	
Sundry Creditors		0.00
Capital A/C		0.00
Current Liabilities		0.00
Profit & Loss A/c		22,500.00
Opening Balance	20,000.00	
Selected Period	2,500.00	
LIABILITIES (TOTAL)		\$ 22,500.00
ASSETS	AMOUNT	
Cash-in-hand		0.00
Bank A/Cs		18,500.00
Sundry Debtors		0.00
Current Assets		0.00
Fixed Assets		4,000.00
Closing Inventory		0.00
ASSETS (TOTAL)		\$ 22,500.00

Rajah 12: paparan menunjukkan laporan *Balance Sheet*

4.4 Kesesuaian dan kelebihan aplikasi mudah alih Bookkeeper dalam merekod transaksi kewangan masjid.

Pengkaji mendapati aplikasi mudah alih Bookkeeper mampu merekod transaksi-transaksi utama dalam pengurusan masjid dan menjana laporan-laporan tertentu dalam menunjukkan kedudukan kewangan masjid. Kelebihan-kelebihan lain termasuklah ;

- i. **Berfungsi pada semua peranti desktop, Android, iOS dan Windows.**
Perekodan transaksi kewangan masjid boleh dilakukan dengan segera, di mana-mana lokasi, sama ada menggunakan peranti telefon bimbit mahupun komputer. Maklumat boleh dikemaskini dan diselaraskan antara peranti-peranti lain.
- ii. **Aplikasi boleh digunakan oleh berbilang pengguna dengan had kegunaan tertentu**
Perekodan transaksi kewangan masjid menjadi lebih cepat dan mudah apabila perekodan data tidak terhad pada individu tertentu sahaja. Selain itu, pegawai masjid atau pihak berkepentingan boleh terus memantau aktiviti pengurusan kewangan masjid secara langsung melalui peranti masing-masing.
- iii. **Maklumat semasa kewangan masjid dapat diakses dengan mudah dan segera.**
Membantu pegawai masjid membuat keputusan dengan cepat dan tuntas melalui janaan pelbagai laporan kewangan tanpa menunggu tempoh tertentu atau penghujung tempoh perakaunan. Selain itu, maklumat kewangan masjid seperti baucar, jurnal dan pelbagai laporan lain boleh di simpan dalam pelbagai bentuk format seperti EXCEL dan PDF untuk kegunaan pelbagai pihak berkepentingan.
- iv. **Memudahkan simpanan dokumen kewangan.**
Aplikasi boleh menyimpan lampiran salinan lembut dokumen kewangan pelbagai format selain boleh menyimpan gambar dokumen-dokumen seperti invoice, resit dan lain-lain.

4.5 Kekangan dan limitasi aplikasi mudah alih Bookkeeper dalam merekod transaksi kewangan masjid.

- i. **Kerangka aplikasi direka khas bagi organisasi berbentuk perniagaan.**
Sistem, terma, kaedah perekodan, format laporan dan output lain janaan aplikasi direka untuk perekodan data kewangan organisasi berbentuk perniagaan. Sebagai contoh laporan *Profit & Loss Account* adalah jenis laporan bagi organisasi perniagaan, manakala organisasi masjid pula biasanya mengguna pakai terma Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.
- ii. **Keperluan kepada asas ilmu perakaunan.**
Pegawai masjid yang merekod data melalui aplikasi ini perlu mengetahui kaedah perakaunan agar entri data yang dilakukan adalah tepat dan membolehkan aplikasi menjana laporan yang tepat dan sah.
- iii. **Penggunaan bahasa Inggeris.**
Pegawai masjid perlu menguasai bahasa Inggeris khususnya terma-terma berkaitan kewangan dan perakaunan bagi memastikan aplikasi dapat digunakan secara optimum.

5. Kesimpulan

Kepesatan teknologi telah memberi impak yang signifikan terhadap pengurusan organisasi. Tidak terkecuali bidang perakaunan yang turut berevolusi. Catatan kewangan yang bermula dengan perekodan secara catatan tangan kepada penggunaan perisian komputer telah mula beralih arah kepada aplikasi mudah alih. Penggunaan aplikasi mudah alih bagi merekod data kewangan masjid dilihat berpotensi menggantikan kaedah tradisi secara catatan tangan mahupun penggunaan perisian *Microsoft Excel*. Meskipun terdapat limitasi terhadap penggunaan aplikasi mudah alih seperti *Bookkeeper* dalam merekod data kewangan masjid, penggunaan aplikasi mudah alih ini mampu membantu pegawai-pegawai masjid mengurus tadbir kewangan masjid dengan lebih efisien. Justeru, terdapat ruang penambahbaikan, keperluan dan potensi bagi pengkaji mengadakan kajian seterusnya dalam penggunaan aplikasi mudah alih dan seterusnya melaksanakan projek membina aplikasi mudah alih yang mampu membantu urus tadbir kewangan masjid secara komprehensif.

Rujukan

- Accounting Software. (n.d.). Retrieved November 13, 2017, from https://play.google.com/store/apps/collection/search_results_cluster_apps?clp=gEQCgphY2NvdW50aW5nGgIIAA%3D%3D%3AS%3AANO1ljJcMGM&hl=en
- Asharaf Mohd. Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, A. H. and M. A. A. A. (2009). KERANGKA PENGURUSAN EKONOMI DAN KEWANGAN MASJID : SATU ANALISA. In *Islamic Economics System (iECONS 2009) Conference* (pp. 1–17). Islamic Science University of Malaysia Date:
- Bushnel, M. (2017). 5 Great Android Accounting Apps for Small Businesses.
- Dickinson, J. E., Ghali, K., Cherrett, T., Speed, C., Davies, N., & Norgate, S. (2014). Tourism and the smartphone app: capabilities, emerging practice and scope in the travel domain. *Current Issues in Tourism*, 17(1), 84–101. <https://doi.org/10.1080/13683500.2012.718323>
- Farhi, A., Fadzlah, A., Musa, M. F., Komputer, J. S., Sains, F., & Nasional, U. P. (2013). PEMBANGUNAN APLIKASI PERISIAN PINTAR MUDAH ALIH MENGGUNAKAN KAEDAH LOGIK KABUR (FUZZY LOGIC) DALAM ARENA SAINS SUKAN GOLF, (November), 25–26.
- Harsh, A., & Ichalkaranje, N. (2015). Transforming e-Government to Smart Government: A South Australian Perspective. In *Advances in Intelligent Systems and Computing* (Vol. 308 AISC, pp. 9–16). https://doi.org/10.1007/978-81-322-2012-1_2
- Hassan, A., Rahman, F. A., Yew, S. K., Pendidikan, J. A., & Pendidikan, F. P. (2015). Meneroka Pemikiran Logik Melalui Penggunaan Aplikasi Mudah Alih. *International Journal of Education and Training (InjET) International Journal of Education and Training (InjET) International Journal of Education and Training*, 1(12), 1–7. Retrieved from <http://www.injet.upm.edu.my>
- Hydzulkifli Hashim Omar, Mohd Yazid Isa, Noraini Yusuff, A. A. B. (2016). Persepsi Ahli Jemaah Masjid Terhadap (Perception of Mosque ' S Community Towards Financial Management. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 2(2), 164–172.
- Jabatan Agama Islam Pahang. Panduan Pengurusan dan Pentadbiran Masjid Kariah Negeri Pahang (2005).
- Jie, S. (2011). How can we use mobile apps for disaster communications in Taiwan: Problems and possible practice. In *8th International Telecommunications Society (ITS) Asia-Pacific Regional*

Conference, Taiwan, 26 - 28 June, 2011: Convergence in the Digital Age.

- Kabir, M. R., Rahman, M. A., Yunus, M., & Chowdhury, A. (2015). Applications of Accounting Software : An Empirical Study on the Private Universities of Bangladesh, 5(1), 72–85.
- Majlis Agama Islam Selangor. *Garis Panduan Pengurusan Kewangan Masjid dan Surau Negeri Selangor* (2016).
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. *Garis panduan Peraturan Kewangan Masjid dan Surau di Wilayah Persekutuan* (2015).
- Md. Rashedul Islam, Md. Rofiqul Islam, T. A. M. (2010). Mobile Application and Its Global Impact 1, (6), 72–78.
- Mohamed, I. S., Masrek, M. N., Mohd Daud, N., Arshad, R., & Omar, N. (2015). Mosques Fund Management : A Study on Governance and Internal Controls Practices. *The 9th International Conference on Management, Marketing and Finances*, 45–50.
- Mohamed Azam, M. A., Mohd-Sanusi, Z., Jaafar, N. A., Mahyuddin Khalid, M., & Abd Aziz, A. (2013). Financial Management Practices of Mosques in Malaysia. *Global Journal Al-Thaqafah*, 3(1), 23–30. <https://doi.org/10.7187/GJAT302013.03.01>
- Nawi, A., Hamzah, M. I., Akmal, S., & Sattai, A. (2014). POTENSI PENGGUNAAN APLIKASI MUDAH ALIH (MOBILE APPS) DALAM BIDANG PENDIDIKAN ISLAM, 2(2), 26–35.
- Nor, M. A. C. (2017). Standard Penarafan Masjid Malaysia. In *Konvensyen Imarah Masjid Serantau 2017*. JAKIM.
- Razak, A. A., Hussin, M. Y. M., Muhammad, F., & Mahjom, N. (2014). Economic Significance of Mosque Institution in Perak State , Malaysia. *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies*, 7(7), 98–109. Retrieved from <http://hdl.handle.net/2433/185834>
- Sandoval-Almazan, R., Gil-garcia, J. R., Luna-Reyes, L. F., & Luna, D. E. (2012). Open Government 2 . 0 : Citizen Empowerment through Open Data , Web and Mobile Apps, 2463735.
- Shahida Binti Shaharuddin. (2012). *Accounting Practices of Religious Organization : The Case Of Mosques in Kuala Terengganu*. Kulliyah of Economics and Management Sciences International Islamic University.
- Shahrul Niza Samsudin, Ronizam Ismail, Norzaimah Zainol, A. W. S. & D. S. Z., & Fakulti. (2016). KESEDARAN PELAJAR KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA TERHADAP APLIKASI MUDAH ALIH BERUNSURKAN ISLAM (ISLAMIC MOBILE APPS). In *E-PROCEEDING OF THE 3RD WORLD CONFERENCE ON INTEGRATION OF KNOWLEDGE 2016* (Vol. 2016, pp. 78–83).
- Zapata, B. C., Fernández-Alemán, J. L., Idri, A., & Toval, A. (2015). Empirical Studies on Usability of mHealth Apps: A Systematic Literature Review. *Journal of Medical Systems*, 39(2), 1–19. <https://doi.org/10.1007/s10916-014-0182-2>